

Headline	Raya Covid atau Covid beraya?
MediaTitle	Utusan Malaysia
Date	12 May 2022
Page No	14
PR Value	RM 103,170



Raya Covid atau Covid beraya?

**UIAM
BERHUAJAH**
Oleh
Dzulkifli Abdul Razak

PADA malam hari Raya menyusul sebuah e-poster berbunyi *Celebrate Raya, Keep Calm - Raikan Raya, Kekal Tenteram*. Ini bukannya sesuatu yang ganjal kerana tahun demi tahun, masing-masing sememangnya sudah bersiap sedia dengan perancangan hari lebaran seperti mana diumumkan pihak berwajib.

Pada tahun ini, 3 Mei dikatakan jatuh pada 1 Syawal. Maka persediaan awal sudah pun diatur bersesuaian dengan keadaan pandemik yang masih belum reda sepenuhnya. Ketenteraman dikekalkan. Walaupun beberapa kelonggaran telah disarankan, namun asuhan dua tahun untuk berhati-hati sudah mula mengakar umbi dan dibudayakan.

Kita mesti juga kita, jika pandemik mahu dihapuskan, ia merupakan pegangan utama. Ini membawa pelbagai rangkaian norma baharu termasuk patuh memakai pelitup muka, menjaga penjuran fizikal serta memurnikan kebersihan terutama bahagian tangan. Semuanya dianggap suatu formula ketenteraman untuk mengharungi serangan Covid-19 bertubi-tubi.

TIBA-TIBA RAYA

Maka apabila hari raya diwalaukan tidak sememana-walauhan hanya selang sehari, formula tersebut mula berserabut. E-poster menyuarakan pelbagai keluhan - rendang belum sampaikan lagi, langsir baharu belum digantung, ketupat masih perlu dianyam, ayam tak sempat sembelih, ramai belum bertolak balik kampung, jalur semakin sesak dan pelbagai lagi.

Oleh itu, tenteram mula naik pitam apabila raya berubah menjadi seram!

Rakan-rakan yang tidak waspada sudah pun mula

bertarawih tetapi berakhir dengan takbir raya. Ini belum pernah berlaku seingat saya sejak dari kecil lagi.

Lumrahnya, Covid-19 menawarkan kejutan luar biasa, satu demi satu. Tidak disangka hari raya turut terpalit.


Khabarnya antara 29 pusat penceraian di seluruh negara, satu di Labuan diberitakan dapat mengesan anak bulan Syawal dan serentak mengesahkan tarikh Hari Raya Aidilfitri di seluruh negara bersamaan rantaun Asia Barat seperti Arab Saudi serta Emiriah Arab Bersatu (UAE), juga Asia Selatan seperti Bangladesh dan India. Begitu juga negara kita yang jika tidak akan meraikan Hari Raya Aidilfitri pada 3 Mei bersama Singapura kerana gagal mengesan anak bulan tersebut.

Anehnya, sekiranya Singapura kekal dalam Malaysia, ia boleh turut berhari raya seperti yang diisyitharkan yakni awal sehari. Sekali gus 10 hari terakhir untuk memburu lailatulqadar, hanya sembilan hari. Rugi sehari dari sudut mencari ketenteraman.

COVID BERAYA

Malangnya, ini bukanlah kejutan terakhir dalam suasana pandemik yang ada. Mutakhir, Dr. Anthony Fauci, pakar dalam hal ehwal Covid-19 di Amerika Syarikat telah pun memperingatkan bahawa virus jenis baharu akan muncul lagi sekali. Dan bilangan kes akan meningkat semula akibat daripada itu terutama sekali dalam kalangan yang belum mendapat suntikan vaksin.

Mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), ada lagi jenis virus terbaharu adalah BA.4 dan 5 - seiras dengan Omicron yang sedang melanda dunia seperti di China kebelakangan ini. Namun, bagaimana corak kejutan yang sebenarnya belum dapat diagak dengan tepat walaupun beberapa langkah yang dikenal pasti tiada beza dengan langkah #kitajagakita. Yakni usaha menghindarkan lebih



ILUSTRASI oleh MUHAMMAD IHSAAN SHAHARIL (UIAM)



**Lumrahnya,
Covid-19
menawarkan
kejutan luar biasa,
satu demi satu.”**

diutamakan berbanding merawat melalui suntikan itu dan ini.

Tunggu sahaja akan ada ‘resipi’ yang disediakan tersasaran kepada kelompok-kelompok khas. Serentak dengan itu, apa yang agak merisaukan adalah pelbagai langkah kelonggaran dikaitkan dengan bermulanya fasa endemik mengikut sesetengah pihak. Ia mungkin tepat, tetapi besar juga kemungkinan akan berlaku satu kekeliruan tatkala jenis virus terkini apabila muncul kelak bertembung dengan suasana yang lebih santai dan terbuka.

COVID-19 TETAMU?
Ini seolah-olah mengundang Covid-19 beraya dengan cukup bebas

di mana masyarakat sudah mula tidak mempedulikan #kitajagakita kerana turut dikendurkan juga. Sebagai bukti, penggunaan aplikasi MySejahtera di seluruh negara menurun 73.8 peratus dengan pantasnya bermula 1 Mei, hari pertama kerajaan membenarkan pengunjung ke tempat-tempat urusan tanpa MySejahtera, mengikut sumber Kementerian Kesihatan.

Selangor merupakan negeri paling terkesan dengan kejatuhan melebihi 75 peratus. Sayugia diingatkan, Selangor adalah antara negeri yang mencatat jangkitan tertinggi semasa pandemik. Begitu juga trennya dengan Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak.

Penggunaan kod respons pantas (QR) turut dilaporkan terkesan menunjukkan ia bukan suatu kejadian terpencil. Hakikatnya, rakyat sudah mula mencari-cari jalan pintas untuk mengelak kekangan daripada peraturan serta tabiat yang suatu ketika diwajibkan kepada mereka. Adakah ini isyarat kita sudah sampai ke

penghujung era pandemik dengan penuh hikmah?

Nampaknya tidak. Malah sebaliknya kerana akhbar *Washington Post* pada minggu lalu mendakwa bahawa satu lagi gelombang baharu akan membawa jangkitan yang juga baharu. Ia ternyata membimbangkan kerana ada antaranya boleh merebak secara senyap-senyap dan dicap sebagai *stealth* Omicron ekoran jangkitan di Amerika Syarikat kebelakangan ini. Apa pun, sememangnya sudah menjadi jangkaan ramai yang bilangan jangkitan akan meningkat selepas hari raya nanti sungguhpun tidak melibatkan apa-apa virus baharu.

Oh demikian, desakan peralihan dari pandemik ke endemik sewajarnya tidak dilakukan tergesa-gesa. Sebabnya agak jelas kerana ia boleh memberi suatu tanggapan palsu bahawa jangkitan yang ada sudah benar-benar reda, diyakinkan pula dengan pelbagai kelonggaran yang diumumkan baru-baru ini.

Natijahnya, Covid-19 lebih mudah menyerang kerana tabiat norma baharu telah mulai lekang daripada amalan #kitajagakita. Ini belum mengambil kira pertukaran tangan MySejahtera kepada pihak swasta. Isu ini membuatkan ramai yang setia rasa tertipi. Ada yang hilang kepercayaan terhadap pihak terlibat. Dalam kemelut tersebut, kitaran jangkitan mudah berulang semula dengan cepat, kali ini melibatkan jenis virus yang belum pernah dialami rakyat terbanyak.

Yang pasti, belum ada apa-apa kepastian tentang ke mana Covid-19 setakat ini. Maka tiada pilihan melainkan untuk teruskan berwaspada berkat kesabaran serta kedepan Ramadhan yang baharu sahaja berlalu. Semoga semua akan mendapat perlindungan yang sebaik-baiknya atas kebijaksanaan bersama jua.

PROFESOR Emeritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak ialah Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).